

Ling: Jangan jadikan pilihan raya eksperimen

13

UM 25 NOV 1999

PULAU PINANG 24 Nov. — Rakyat diminta supaya tidak memperjudikan nasib mereka dengan menjadikan pilihan raya kali ini sebagai satu eksperimen dalam urusan memilih kerajaan.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik berkata, sikap segelintir rakyat yang ingin bertukar selera boleh mendatangkan bahaya jika kerajaan yang dipilih tidak berupaya membangunkan negara ini.

Menurutnya, rekod pemerintahan Barisan Nasional (BN) selama 42 tahun adalah amat baik dan merupakan antara parti yang paling pantas dalam membangunkan bangsa dan dikagumi oleh masyarakat luar.

Beliau yakin jika pakatan pembangkang diberi mandat untuk memerintah, kerajaan gabungan mereka akan hancur pada hari pertama persidangan Dewan Rakyat berikutan 'perbalahan' antara Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat dan Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang mengenai penubuhan negara Islam dan

pelaksanaan hukum hudud.

"Rakyat harus menyedari setiap undi yang dibagikan kepada DAP bermakna menyokong Pas dan penubuhan negara Islam," katanya kepada pemberita semasa mengadakan lawatan ke ibu pejabat MCA di Jalan Pahang di sini hari ini.

Tambahnya, berikutan keinginan Pas menubuhkan kerajaan Islam seperti yang disuarakan Nik Aziz dalam temu ramah dengan agensi berita AFP baru-baru ini, Kit Siang mungkin akan menarik diri daripada kerajaan gabungan itu dan akhirnya memaksa pilihan raya umum diadakan sekali lagi.

Sehubungan itu, Dr. Ling meminta rakyat berfikir yang mana lebih penting antara memilih Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang membawa kestabilan dan perpaduan atau Nik Aziz yang akan meneruskan rancangannya menubuhkan negara Islam walaupun tidak dipersetujui oleh DAP.